



Jabatan Kerja Raya Malaysia

Standard Kompetensi JKR Pensijilan Arkitek Rekabentuk Sejagat Tahap 2, 3 & 4

Isi Kandungan

1.0	Pengenalan	2
2.0	Objektif.....	2
3.0	Tahap Pensijilan	2
4.0	Standard Kompetensi.....	3
4.1	Standard Kompetensi Tahap 2 (<i>Universal Design Practitioner</i>)	3
4.2	Standard Kompetensi Tahap 3 (<i>Qualified Universal Design Practitioner</i>)	4
4.3	Standard Kompetensi Tahap 4 (<i>Universal Design Audit Access Assessor</i>).....	4

1.0 Pengenalan

Program Pensijilan Arkitek – Rekabentuk Sejagat ini adalah program di mana arkitek diberi pengiktirafan melalui pengalaman dan kemahiran tertentu yang ditunjukkan atau dilaksanakan serta telah menepati piawaian yang ditetapkan. Pengwujudan program ini adalah untuk melengkapi usaha jabatan untuk menjadikan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Pusat Kecemerlangan dan rujukan di peringkat negara atau antarabangsa. Arkitek yang telah mendapat pensijilan di dalam bidang Rekabentuk Sejagat (Universal Design) adalah mereka yang telah mempunyai pengalaman luas dalam rekabentuk sejagat dan berjaya melalui latihan merangkumi pelaksanaan reka bentuk sejagat, penyelesaian isu-isu reka bentuk sejagat, pemahaman polisi dan praktis reka bentuk sejagat bagi menjadikan mereka kompeten, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

2.0 Objektif

Program pensijilan ini mempunyai beberapa objektif iaitu:

- i. Meningkatkan kompetensi dan kepakaran Arkitek dalam bidang rekabentuk sejagat serta memastikan setiap pegawai mencapai tahap kompetensi yang telah ditetapkan.
- ii. Mengiktiraf pengalaman dan pengetahuan dalam bidang rekabentuk sejagat.
- iii. Melahirkan pakar dan penasihat dalam bidang rekabentuk sejagat untuk disiplin arkitek secara berperingkat dan sistematik.
- iv. Memperluaskan peluang pembangunan kerjaya di samping memberi keyakinan diri dan kepuasan kepada individu.

3.0 Tahap Pensijilan

Berdasarkan model kompetensi JKR yang boleh didapati daripada dokumen Competency Model & Dictionary Jabatan Kerja Raya (no. Rujukan JKR 29300 – 0006 – 11), tahap-tahap pensijilan telah dikenalpasti mengikut kompetensi yang telah ditetapkan. Pengelasan kompetensi adalah terdiri daripada Tahap 2 (*Basic*), Tahap 3 (*Competent*), Tahap 4 (*Proficient*). Sijil-sijil pengiktirafan adalah seperti berikut:

- a. Kompetensi Rekabentuk Sejagat Tahap 2
- b. Kompetensi Rekabentuk Sejagat Tahap 3
- c. Kompetensi Rekabentuk Sejagat Tahap 4

4.0 Standard Kompetensi

Calon-calon yang memohon pensijilan Rekabentuk Sejagat adalah dijangka mempunyai standard kompetensi yang bersesuaian bagi memohon tahap pensijilan mengikut kompetensi yang layak. Standard Kompetensi yang diperlukan untuk kelayakan mendapat pensijilan ialah seperti berikut :

4.1 Standard Kompetensi Tahap 2 (*Universal Design Practitioner*)

BIL.	ELEMEN	KRITERIA PRESTASI
1.0	Definisi dan kepentingan rekabentuk sejagat	<ul style="list-style-type: none">• Mempunyai kesedaran dalam rb sejagat• Boleh senaraikan kepentingan rb sejagat
2.0	Prinsip asas rekabentuk sejagat	Mempunyai pengetahuan dan boleh kenalpasti/senaraikan prinsip asas rb sejagat seperti: <ul style="list-style-type: none">• Prinsip asas perancangan rb sejagat• Prinsip asas rekabentuk sejagat• Senarai Elemen rb sejagat
3.0	Perundangan/polisi serta dasar semasa bagi Rekabentuk Sejagat	Mempunyai pengetahuan dan berkebolehan mengenalpasti perundangan/polisi serta dasar semasa bagi Rekabentuk Sejagat seperti: <ul style="list-style-type: none">• Akta OKU 2008 (Akta 685)• Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 & Undang-undang kecil Bangunan Seragam 1984 Seksyen 34A• Pelan tindakan OKU• MS 1184: Universal design and accessibility in the built environment - Code of practice (Second revision)
4.0	Garis panduan dan piawaian berkaitan Rekabentuk Sejagat.	Mematuhi & mengaplikasi garis panduan dan piawaian rb sejagat spt: <ul style="list-style-type: none">• Keperluan rb sejagat berdasarkan MS1184• Senarai semak rb sejagat
5.0	Spesifikasi dan perincian teknikal yang menepati keperluan Rekabentuk Sejagat.	Kebolehan mengenalpasti spesifikasi teknikal untuk elemen rekabentuk sejagat

4.2 Standard Kompetensi Tahap 3 (*Qualified Universal Design Practitioner*)

BIL.	ELEMEN	KRITERIA PRESTASI
1.0	Prinsip rekabentuk sejagat & aplikasi dalam rekabentuk projek	<p>Kebolehan penggunaan dan aplikasi rb sejagat dalam rekabentuk projek</p> <ul style="list-style-type: none"> • Senarai semak rb sejagat • Elemen rb sejagat • Audit pelan rekabentuk bangunan
2.0	Perundangan/polisi serta dasar semasa bagi Rekabentuk Sejagat	<p>Pematuhan kepada keperluan PBT</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan & pengemukaan pelan laluan OKU • Penyediaan access statement
3.0	Garis panduan dan piawaian berkaitan Rekabentuk Sejagat.	<ul style="list-style-type: none"> • Berkemahiran dalam menyemak pematuhan MS 1184 • Berkemahiran menganalisa keperluan rb sejagat
4.0	Spesifikasi dan perincian teknikal yang menepati keperluan Rekabentuk Sejagat.	<ul style="list-style-type: none"> • Berkemahiran dalam penyediaan lukisan & spesifikasi teknikal bagi rb sejagat • Berkemahiran dalam penilaian & pemilihan spesifikasi & perincian teknikal bagi rb sejagat

4.3 Standard Kompetensi Tahap 4 (*Universal Design Audit Access Assessor*)

BIL.	ELEMEN	KRITERIA PRESTASI
1.0	Prinsip rb sejagat, perundangan/polisi serta dasar semasa bagi Rekabentuk Sejagat	<ul style="list-style-type: none"> • Berkemahiran dalam mengajar & berkongsi ilmu berkaitan rb sejagat • Menjadi pakar rujuk kepada jabatan
2.0	Audit akses	<ul style="list-style-type: none"> • Berkemahiran dalam melaksana audit akses • Berkemahiran dalam menyediakan laporan audit akses • Berkemahiran membuat cadangan penambahbaikan kepada penilaian audit akses
3.0	Spesifikasi dan perincian teknikal yang menepati keperluan Rekabentuk Sejagat.	Berkemahiran dalam penyediaan & menambahbaik spesifikasi & perincian teknikal rb sejagat